Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

SEPTEMBER
2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

MINGGU DESTINI SISWA SESI OKTOBER 2026 – FEBRUARI 2027:
TAKLIMAT PENGENALAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

26 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran

DUNGUN, 26 September – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Taklimat Pengenalan Perpustakaan Cendekiawan sempena Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2026 – Februari 2027 pada 26 September 2026 (Sabtu), dari jam 9.15 pagi hingga 9.45 pagi. Taklimat yang berlangsung selama 30 minit ini melibatkan seramai 1,700 orang pelajar baharu dan diadakan di Dewan Aspirasi UiTMCT serta Dewan Kuliah Anggerik, Dewan Kuliah Bakawali dan Dewan Kuliah Cemara. Program ini bertujuan memperkenalkan perpustakaan sebagai pusat rujukan dan sumber ilmu yang penting dalam menyokong keperluan pembelajaran serta kecemerlangan akademik pelajar sepanjang pengajian.







Barisan kakitangan Perpustakaan Cendekiawan yang terlibat dengan taklimat

Sepanjang sesi taklimat, para pelajar diberikan pendedahan mengenai peranan, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Cendekiawan. Pelajar turut diperkenalkan dengan sistem PERMATA yang membolehkan mereka mengakses maklumat berkaitan bahan perpustakaan bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan. Pendedahan ini diharap dapat membantu pelajar memahami kaedah mendapatkan bahan rujukan dengan lebih mudah dan sistematik, di samping menggalakkan penggunaan sumber maklumat yang sahih dan berkualiti. Inisiatif ini juga penting dalam memupuk budaya membaca, pembelajaran kendiri dan amalan pencarian maklumat secara berkesan dalam kalangan mahasiswa.

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI